

Malaysia raih 6 anugerah di Apicta 2009

Delegasi negara bukti keupayaan bertanding dalam 15 kategori mereka cipta industri ICT

MALAYSIA sekali lagi membuktikan kehandalan pada Anugerah Antarabangsa Persekutuan ICT Asia Pasifik (Apicta) 2009 dengan mengondol enam anugerah.

Malaysia meraih anugerah utama dalam kategori Komunikasi, Penciptaan dan Pengurusan kepada Media Baru dan Hiburan, kerajaan elektronik (e-Kerajaan) dan Aplikasi Industri Kewangan.

Kemenangan berdasarkan merit dicapai dalam kategori Projek Pelajar Sekolah Menengah dan Projek Penuntut Institusi Pengajian Tinggi.

Tranglo Sdn Bhd dipilih sebagai pemenang dalam kategori Komunikasi; SHO-CK3D! untuk Penciptaan dan Pengurusan kepada Media Baru dan Hiburan; Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) untuk e-Kerajaan; dan eBworx Berhad



ABDUL HALIM (tengah) bersama kontinjen Malaysia pada Anugerah Antarabangsa Persekutuan ICT Asia Pasifik 2009 di Hotel Crown Tower di Melbourne, kelmarin.

untuk Aplikasi Industri Kewangan.

Pasukan Sekolah Menengah Sultan Alam Shah dan Universiti Multimedia (Cyberjaya) memperoleh kemenangan berdasarkan merit masing-masing bagi kategori Projek Pelajar Sekolah Menengah serta Penuntut Ins-

titusi Pengajian Tinggi.

Keputusan pertandingan itu diumumkan pada majlis jamuan yang berlangsung di Hotel Crown Tower di Melbourne, Australia, malam kelmarin.

Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDeC), Tan Sri Abdul Halim

Ali, berkata kejayaan itu sekali lagi membuktikan keupayaan, kualiti dan keunikan produk, perkhidmatan dan penyelesaian yang direka cipta serta ditawarkan oleh syarikat, agensi kerajaan dan pelajar Malaysia.

"Kami berbangga dengan pencapaian mereka yang se-

terusnya membawa kegemilangan kepada Malaysia selaku pereka cipta dalam industri Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT)," katanya.

Timbalan Pengarah Pembangunan Infrastruktur Mampu, Norhalina Abdul, berkata mereka begitu ber-

semangat memandangkan projek itu antara projek pertama berdasarkan konsep oleh sebuah agensi kerajaan Malaysia yang memenangi anugerah Antarabangsa ICT.

"Kami harap lebih banyak agensi kerajaan yang lain akan turut sama mengambil bahagian dalam pertandingan seperti ini pada masa depan," kata Norhalina.

Pada majlis berkenaan, Abdul Halim turut menerima jawatan pengerusi untuk penganjuran majlis Anugerah Antarabangsa Apicta 2010 di Malaysia.

MDeC mengetuai delegasi Malaysia untuk bertanding dalam 15 kategori dengan berdepan saingan daripada anggota ekonomi Apicta termasuk Australia, Brunei, China, Hong Kong, India, Indonesia, Korea, Macau, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. - Bernama

BERNAMA